

02/12/1999

Rakyat mahu kerajaan berkemampuan: Dr Rajapathy

BUTTERWORTH, Rabu - Kemenangan ketiga-tiga calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Bagan, kelmarin membuktikan rakyat mahukan kerajaan yang mampu melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi kepentingan mereka di masa depan.

Calon BN yang memenangi kerusi DUN Prai, Datuk Dr K Rajapathy, berkata kejayaan itu juga menunjukkan pengundi di kawasan Parlimen Bagan mahukan wakil rakyat menjalankan tugas secara berkesan dan bekerjasama rapat dengan penduduk.

Menurutnya, semangat bersatu padu rakyat pelbagai kaum dengan memberi sokongan berterusan kepada wakil rakyat BN boleh meneruskan perjuangan membawa perubahan dan kemajuan bagi kepentingan penduduk.

"Pengundi mahukan wakil rakyat meneruskan pelbagai projek pembangunan bagi kepentingan rakyat," katanya kepada Berita Harian, di sini, hari ini.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum dan Loo Ah Dee memenangi kerusi DUN Bagan Jermal dan Sungai Puyu.

Bagaimanapun, bagi kerusi Parlimen Bagan, calon DAP yang juga penyandang kerusi itu, Lim Hock Seng mengalahkan calon BN, Francis Tan Tiao Kuen.

Rajapathy yang juga Pengerusi MIC negeri, berkata keputusan pilihan raya tahun ini ada petanda rakyat kini mempunyai kesedaran tinggi mengenai calon pilihan mereka.

Bagaimanapun, beliau berkata kekalahan Francis Tan tidak mematahkan semangat juang beliau, Dr Sak dan Loo untuk meneruskan khidmat kepada pengundi dan penduduk bagi kesinambungan pembangunan di kawasan berkenaan.

Rajapathy juga berterima kasih atas kepercayaan Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu dan Presiden BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencalonkannya semula pada pilihan raya kali ini.

(END)